

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat manakah keberhasilan dan kejayaan projek ternakan akuakultur daerah Pitas di bawah projek “Sabah Corridor” yang telah menelan belanja ratusan juta ringgit. Sejauh manakah projek ini telah berjaya membuahkan hasil dari segi membuka peluang pekerjaan, kesan berganda ekonomi kepada industri perikanan negeri dan adakah projek ini "viable" dan memberi pulangan tinggi kepada pelaburan yang Kerajaan telah lakukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Projek ternakan akuakultur di daerah Pitas merupakan salah satu projek *Entry Point Project 6 (EPP#6) National Key Economic Area (NKEA)* dan sekarang dikenali dengan nama Projek Pemacu Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Projek ini yang berkonsepkan *Public Private Partnership (PPP)* yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta dan bukannya di bawah pembangunan “Sabah Corridor”.

2. Kerajaan telah melaburkan sebanyak RM182 juta bagi pembangunan infrastruktur asas manakala bagi pihak syarikat iaitu Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd. telah melaburkan hampir RM700 juta bagi pembangunan kolam ternakan dan lain-lain fasiliti. Sehingga kini sebanyak 1,784 hektar kawasan telah dibangunkan bagi tujuan penternakan udang dengan jumlah kolam yang telah dibina adalah sebanyak 1,145 unit.

3. Dari tahun 2016 sehingga Oktober 2019, syarikat ini telah berjaya mengeluarkan sebanyak 10,832.96 tan metrik udang marin dengan anggaran nilai jualan sebanyak RM270.82 juta. Pada tahun ini juga, syarikat telah memulakan eksport ke Korea dan Taiwan sebanyak 104.35 tan metrik dengan nilai eksport RM3.2 juta.

4. Projek ini juga telah berjaya menghasilkan '*spillover effect*' seperti berikut:

- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada 780 orang di mana 97% adalah pekerja tempatan dan berasal daripada Sabah. Sasaran projek ini adalah untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada 3,000 orang setelah projek beroperasi sepenuhnya; dan
- pembangunan kemudahan infrastruktur iaitu jalan raya, air dan elektrik kepada penduduk setempat.

5. Berdasarkan perancangan dan *Key Performance Index* (KPI) yang ditetapkan oleh Kerajaan, Syarikat dijangka akan menghasilkan sebanyak 20,000 tan metrik udang marin dengan anggaran nilai RM500 juta setelah projek beroperasi sepenuhnya.

6. Projek ternakan akuakultur ini adalah "*viable*" kerana merupakan salah satu penyumbang utama kepada pengeluaran udang di Negeri Sabah dan di peringkat nasional. Dalam jangka masa yang panjang dan berterusan, projek ini dijangka akan dapat memberi pulangan tinggi kepada pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat dan Kerajaan. Sekian, terima kasih.